



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “POLIS DAN MASYARAKAT: MENINGKAT PERSEFAHAMAN – MERANGKAI KERJASAMA”

17 Mac 2023 / 24 Syaaban 1444

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ<sup>1</sup> نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ!  
اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman dan bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Bersempena peringatan Hari Polis ke-216 yang akan disambut pada 20 Mac, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “POLIS DAN MASYARAKAT: MENINGKAT PERSEFAHAMAN – MERANGKAI KERJASAMA”

Firman Allah SWT ayat 104 surah Ali Imran:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُقَدِّحُونَ ﴿١٠٤﴾

Bermaksud: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyebarkan Islam), dan menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan mencegah daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Polis Diraja Malaysia ditugaskan oleh negara untuk menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ayat 104 surah Ali 'Imran yang khatib bacakan pada awal khutbah merupakan peringatan Allah SWT agar hamba Nya menyeru melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Polis Diraja Malaysia merupakan pasukan yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menjamin berlakunya kebaikan dan mencegah berlakunya keburukan, demi menjamin masyarakat hidup dalam aman dan selamat, berlandaskan peraturan dan undang-undang.

Suasana hidup yang aman dan selamat, membolehkan rakyat bebas menjalankan pelbagai kegiatan, melakukan pelbagai kerja dan menguruskan pelbagai perniagaan untuk mencari rezeki tanpa rasa takut dan bimbang. Negara yang aman dan selamat menjadi prasyarat untuk membina keyakinan para pelabur serta merencanakan kegiatan ekonomi, lantas dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada generasi muda.

#### **Para tetamu Allah yang dimuliakan;**

Negeri Perak mempunyai lebih dua perpuluhan empat juta orang penduduk. Bilangan anggota polis di negeri Perak adalah seramai 7,894 orang, bertugas di 15 daerah polis. Mereka diamanahkan tanggungjawab untuk memastikan dua perpuluhan empat juta orang penduduk dapat melalui kehidupan dalam suasana aman dan selamat. Mereka diamanahkan tanggungjawab untuk membendung jenayah daripada berlaku. Mereka diamanahkan tanggungjawab untuk mengawal sempadan daripada ditembusi musuh dan kegiatan penyeludupan. Mereka ditugaskan untuk melakukan rondaan di bandar, di desa, di pinggir hutan, di kawasan perairan, darat dan udara sepanjang masa. Dengan bilangan anggota yang terhad, sumber kewangan yang terbatas, dan peralatan yang seadanya, Polis Diraja Malaysia menanggung amanah yang sangat berat, perlu memenuhi sasaran yang ditetapkan oleh negara, serta hasrat yang diharapkan oleh rakyat.

Menyedari batas-batas yang dihadapi oleh anggota polis, masyarakat wajib tampil ke hadapan berperanan aktif membantu tugas-tugas anggota polis, terutama untuk menguatkuasakan undang-undang dan membendung kegiatan jenayah. Masyarakat boleh berperanan sebagai mata dan telinga kepada pihak polis dengan memberikan kerjasama serta menyalurkan maklumat agar tindakan segera dapat diambil bagi mencegah dan mengekang kegiatan jenayah. Sabda Nabi SAW:



## مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Bermaksud: Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu, maka dengan lisannya, jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman.

(Hadis Riwayat Muslim)

### **Jemaah yang dirahmati Allah,**

Berkat kegigihan anggota polis menyempurnakan tugas berserta kerjasama pelbagai anggota masyarakat, perangkaan menunjukkan penurunan kadar Jenayah Indeks Malaysia; menurun daripada 52,974 kes yang direkodkan pada tahun 2021 kepada 50,819 kes yang direkodkan bagi tahun 2022.

Tahun 2022 dimulakan dengan kejayaan besar Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri Perak, kejayaan melakukan rampasan terbesar *ketamin*, bernilai lebih 111 juta ringgit pada 16 Januari 2022. Sepanjang tahun 2022, Jabatan Jenayah Narkotik Perak, mencatat rekod merampas pelbagai jenis dadah dengan nilai rampasan mencecah 138 juta ringgit. Dalam tempoh yang sama, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Perak, telah menyiasat 2,053 kes penipuan membabitkan nilai kerugian berjumlah 100 juta ringgit.

Polis Perak amat menghargai kerjasama yang diberikan oleh masyarakat. Oleh itu pelbagai pendekatan untuk mendampingi rakyat dan mendekati masyarakat dirintis, antaranya Aktiviti Kepolisan Komuniti, Aktiviti Kepolisan Berprofil Tinggi, dan Aktiviti Kayuhan Perpaduan PDRM Ipoh.

Antara tugas semakin mencabar yang dihadapi oleh Polis Diraja ketika ini adalah:

**Pertama:** Penularan berita palsu yang sukar dikawal yang tersebar begitu luas dan pantas melalui media sosial, menyebabkan bertambah beban tugas untuk menangani perkara yang sering kali tidak pun wujud, tetapi mencetuskan kegelisahan kepada masyarakat.

**Kedua:** Kebanjiran dadah tiruan dan dadah asli yang diseludupi dari luar serta kawasan sempadan yang memerlukan bilangan anggota yang ramai untuk membolehkan kawalan secara berkesan.



**Ketiga:** Penagihan dadah berulang dan penagih tegar menyebabkan bilangan penagih di negeri Perak semakin bertambah; para penagih juga menjadi punca kepada pelbagai kegiatan jenayah dan penyebaran pelbagai jenis penyakit berbahaya.

**Keempat:** Kegiatan jenayah yang sering berubah dan kaedah melakukan jenayah secara lebih licik dengan penggunaan pelbagai alatan dan teknologi moden, yang turut melibatkan rangkaian penjenayah antarabangsa.

### **Mukminin yang dilimpahi keberkatan Ilahi;**

Anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab fardu kifayah untuk membantu meringankan tugas anggota polis; mimbar memilih menyenaraikan lima saranan berikut:

**Pertama:** Segera laporkan sebarang kegiatan atau kehadiran orang yang mencurigakan, kerana maklumat awal amat membantu usaha polis membanteras jenayah.

**Kedua:** Memanfaatkan segala kemudahan aplikasi yang dibangunkan oleh Polis Diraja Malaysia dengan memuat turun di telefon pintar masing-masing.

**Ketiga:** Menyimpan nombor talian kecemasan bilik gerakan yang beroperasi 24 jam dalam telefon bimbit.

**Keempat:** Jawatankuasa masjid, rukun tetangga, jawatankuasa keselamatan kampung, badan-badan belia dan pertubuhan sukarela melibatkan diri dalam program pencegahan jenayah yang dianjurkan oleh pihak polis.

**Kelima:** Sepanjang tahun 2022, Kontinjen Polis Perak menerima 286,064 laporan. Setiap laporan perlu dibuka kertas siasatan; setiap laporan perlu dilakukan siasatan; tugas siasatan mengambil banyak masa dan tenaga anggota. Oleh itu anggota masyarakat hendaklah mengambil tanggungjawab agar tidak mengambil ringan dan menambahkan bebanan tugas polis dengan begitu mudah melakukan laporan perkara-perkara remeh temeh, apatah lagi jika laporan merupakan laporan palsu.

Mimbar merakamkan ucapan penghargaan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang begitu berjasa kepada rakyat dan negara, begitu juga ucapan terima kasih kepada anggota keluarga Polis Diraja Malaysia yang turut melakukan pelbagai pengorbanan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَآلِفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Kekalkan nikmat keamanan negara kami. Tautkan hati kami bersama, agar saling membantu melakukan kebaikan dan menegah kemungkaran. Berilah perlindungan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan dan cucurilah rahmat Mu kepada anggota-anggota yang terkorban semasa menjalankan tugas. Limpahi ihsan kasih Mu dan tempatkan roh mereka yang terkorban semasa menjalankan tugas dalam kalangan roh para Solihin yang berakhir di Syurga Firdaus Mu. Tabahkan jiwa para anggota polis agar terus memberikan khidmat bakti kepada negara dan bangsa; cekalkan hati ahli keluarga mereka yang turut memberikan pengorbanan.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَابْغَىٰ لِعِظْمِكُمْ لَعْنَكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.